

NO. SEBUTHARGA : MPS/SH/272/25

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Majlis Perbandaran Selayang
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
61800 Batu Caves. Selangor

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	NO. SEBUT HARGA	KETERANGAN ASET	NO. PENDAFTARAN KENDERAAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (RM)
1.	MPS/SH/272/25	TOYOTA HIACE 2.5G	BKQ 5435	1	8,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 22 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2025 di antara jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di bengkel MPS di alamat Bengkel Kenderaan MPS, Rawang Intergrated, 48000 Rawang, Selangor. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi :-

- i. Bahagian Bengkel Kenderaan En. Azhar / Pn. Fadzilah di talian 03-6091 8371
- ii. Bahagian Pentadbiran (Urusan Dokumentasi) Pn. Husna / Pn. Shazila di talian 03-6126 5838

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) boleh dimuat turun melalui laman sesawang Majlis Perbandaran Selayang (<https://www.mps.gov.my/>). Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga MPS/SH/...../25 serta lampirkan bersama salinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi pemilik syarikat, Salinan Kad Pengenalan (berpalang MPS Sahaja), salinan penyata kewangan terkini dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

**Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
Tingkat 6, Majlis Perbandaran Selayang,
Persiaran 3 Bandar Baru,
61800 Selayang, Selangor.**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **28 Oktober 2025** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Selayang**

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Tarikh tutup sebut harga pada **28 Oktober 2025** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

NO. SEBUTHARGA : MPS/SH/272/25

**BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH MAJLIS PERBANDARAN
SELAYANG**

Nama Individu/ Syarikat :

No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat :

Alamat:

Kepada:

Majlis Perbandaran Selayang

Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
61800 Batu Caves, Selangor.

Tuan,

Merujuk kepada perkara di atas, saya/syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/syarikat adalah seperti berikut:-

BIL	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA TAWARAN (RM)	DEPOSIT (RM)
1.	TOYOTA HIACE 2.5G (BKQ 5435)	1		
JUMLAH TAWARAN (RM)				

NO. SEBUTHARGA : MPS/SH/272/25

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM _____ (Ringgit Malaysia _____) dalam bentuk Wang Pos/Draf Bank, No. _____ atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang.**

4. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama :

No. Telefon :
(Sila masukkan no.hp yang boleh dihubungi)

Tarikh :

Cap Syarikat :
(*untuk pemilik syarikat sahaja)

